

Pelajar komunikasi USIM aktif berkarya

DALAM usaha memartabatkan program komunikasi di peringkat tempatan dan antarabangsa, satu filem pendek telah dihasilkan oleh pelajar komunikasi USIM jurusan penyiaran. Filem pendek berdurasi kira-kira 15 minit ini diberi nama *Permata Bonda* yang melibatkan tenaga kerja profesional termasuk pelakon terkenal industri perfileman tanah air seperti Wan Maimunah dan Wan Nor Azlin. Pembikinan filem pendek ini turut mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada Dr. Mahadi J. Murad, pengarah filem terkenal negara.

Filem pendek ini merupakan kesinambungan daripada Bengkel Pengarahan dan Penulisan Skrip yang diadakan pada akhir November lalu yang dihadiri seramai 25 pelajar Tahun Akhir Program Komunikasi. Hasil daripada bengkel tersebut empat buah filem pendek berjaya dihasilkan hanya dalam masa satu hari. Selain daripada *Permata Bonda*, filem-filem pendek yang lain dihasilkan adalah seperti *Nafsu*, *Sesat*, dan *Nasi Lemak*. Pengarah dan pelakornya terdiri daripada pelajar-pelajar komunikasi USIM sendiri.

Menurut Ketua Program Komunikasi USIM, Mazni Buyong penghasilan filem berteraskan Islam serta penuh dengan nilai-nilai murni merupakan satu langkah yang diambil oleh Program Komunikasi bagi membawa nama USIM di arena perfileman tempatan dan antarabangsa.

Pada masa yang sama juga pelajar komunikasi jurusan kewartawanan telah berjaya menerbitkan edisi pertama majalah *CETUS*. Majalah yang menampilkan isu-isu berlatar senario media dan komunikasi di negara ini,



PROF. Datuk Dr. Abdul Shukor Husin (tiga dari kiri) berada di konti Radio USIM yang boleh dilayari secara *online*.

memberi peluang kepada pelajar dan warga USIM untuk menyumbangkan idea dan pendapat masing-masing.

Pengisian majalah ini juga bertujuan menganjur mahasiswa USIM berfikir lebih kritis dan kreatif terhadap isu yang dibincangkan media masa kini. Majalah *CETUS* ini telah dilancarkan oleh Naib

Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Abdul Shukor Husin. Pelancaran majalah ini adalah sebagai satu usaha menggalakkan para pelajar USIM meneruskan kesinambungan dalam menghasilkan produk-produk yang boleh menaikkan nama universiti.

USIM juga berbangga kerana dalam

masa yang sama program Komunikasi USIM sedang menjalankan sesi ujian Radio USIM. Radio ini boleh dilayari secara *online* melalui laman web <http://radio.usim.edu.my>. Sepanjang tempoh pengujian, semua kakitangan dan pelajar USIM boleh mendengar tanpa perlu mendaftar.